Namun, timbul juga persoalan dan perdebatan sama ada Immanuel Kant seorang yang antiagama atau anti-Tuhan. Lantaran itu, melalui kajian perbandingan antara pemikiran Immanuel Kant dan ajaran agama Kristian berhubung dengan tanggungjawab, diharapkan penjelasan yang lebih lanjut dapat diketengahkan untuk melihat adakah Immanuel Kant menolak sama sekali ajaran agama Kristian dalam pemikiran beliau yang dikatakan bersifat Sekular.

Permasalahan kajian ini mewujudkan satu kelompongan yang memberi ruang kepada pengkaji untuk mendalamai kajian perbandingan antara pemikiran Immanuel Kant yang disifatkan sebagai Sekular dengan agama Kristian dalam memperkatakan konsep tanggungjawab. Muhammad Atiullah Othman et al. (2015) ada mengatakan bahawa Immanuel Kant dianggap sebagai ahli falsafah moral terkemuka di Eropah yang turut mengajak kepada dokongan agama sebagai pendekatan moral. Apabila Immanuel Kant berbicara mengenai pendekatan agama, beliau mengajak pemikiran rasional bagi menjustifikasi pendekatan agama. Immanuel Kant juga mengajak agar semua agama termasuk Kristian dinilai semula berdasarkan undang-undang moral yang universal bagi memastikan kepercayaan tahuyl dapat disaring. Tujuan sebenar saranan-saranan Immanuel Kant ini adalah bagi mengharmonikan pandangan agama dengan undang-undang moral agar pendirian akal dan agama yang rasional dapat dipertahankan.

Namun begitu, masih tiada kajian dibuat untuk membandingkan agama Kristian itu sendiri dengan pandangan Immanuel Kant tentang tanggungjawab. Banyak kajian dibuat tentang pandangan Immanuel Kant tentang tanggungjawab dan agama (Kristian) secara berasingan tetapi masih kurang kajian yang membandingkan pandangan





Immanuel Kant tentang tanggungjawab dengan pandangan agama Kristian tentang tanggungjawab.

Menurut R. C Mortimer (1950) ada kecenderungan untuk menyamakan etika Kristian dengan Utilitarianisme Hedonistik. Bagi aliran Utilitarianisme, perbuatan yang betul adalah perbuatan yang akhirnya membawa kepada kebahagiaan. Agama juga dilihat mempunyai fungsi yang dapat memberikan kebahagiaan kerana Tuhan mengutamakan kebahagiaan manusia dan dengan itu adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk mengutamakan kebahagiaan. Namun, terdapat kelompongan kajian dalam melihat elemen tanggungjawab yang ditekankan dalam agama Kristian dalam kerangka teori Deontologikal. Dengan ini, suatu kajian yang melihat elemen tanggungjawab yang ditekankan dalam agama Kristian dengan teori Sekular Deontologikal yang dipelopori oleh Immanuel Kant perlu dijalankan. Kelompongan tbupsi ini memberi ruang kepada pengkaji untuk membuat penyelidikan yang lebih mendalam dalam usaha untuk melihat sekiranya terdapat persamaan atau perbezaan antara pandangan Immanuel Kant dengan agama Kristian dalam konteks tanggungjawab.

### 1.3 Objektif kajian

Objektif kajian ini dilakukan untuk:

- 1.3.1 Menganalisis elemen tanggungjawab Immanuel Kant.
- 1.3.2 Mentafsir ajaran tanggungjawab dalam agama Kristian.
- 1.3.3 Membandingkan pemikiran Immanuel Kant dengan agama Kristian berhubung dengan elemen tanggungjawab.
- 1.3.4 Merumuskan sejauh mana Immanuel Kant dikatakan bersifat Sekular dalam menghujahkan konsep tanggungjawab.





## 1.4 Persoalan kajian

Seiring dengan objektif kajian di atas, persoalan kajian akan tertumpu kepada:

- 1.4.1 Apakah elemen tanggungjawab Immanuel Kant?
- 1.4.2 Apakah tafsiran tanggungjawab dalam ajaran Kristian?
- 1.4.3 Apakah persamaan dan perbezaan antara pemikiran Immanuel Kant dan agama Kristian dalam memperkatakan elemen tanggungjawab?
- 1.4.4 Adakah Immanuel Kant bersifat Sekular sehingga menolak sama sekali ajaran Kristian dalam memperkatakan konsep tanggungjawab?

## 1.5 Batasan kajian

Batasan kajian ditetapkan dalam kajian penyelidikan ini agar kajian tidak tersasar jauh daripada objektif kajian. Batasan kajian ini perlu agar penyelidik mempunyai satu gambaran tentang sempadan kajian dan seterusnya memastikan kajian lebih terarah hala tujuinya. Secara umumnya, kajian penyelidikan ini terbatas kepada:

### 1.5.1 Pemilihan konsep tanggungjawab

Justifikasi pemilihan konsep tanggungjawab dalam kajian berkait rapat dengan pernyataan dalam permasalahan kajian. Secara ringkasnya, adalah tidak keterlaluan jika kita mengatakan bahawa pemahaman tentang konsep tanggungjawab masih di peringkat permukaan. Justeru itu, elemen-elemen yang mendasari konsep tanggungjawab perlu diperjelas.





Pemilihan konsep tanggungjawab dalam kajian ini dirasai perlu kerana sering dipaparkan dengan pelbagai permasalahan yang melibatkan isu tanggungjawab moral. Isu tanggungjawab moral sering dipaparkan dengan pelbagai masalah sosial seperti isu pembuangan bayi. Contohnya, Dewi Nur Harasha Alias (2019) melaporkan bahawa ibu bapa dan nenek telah ditahan kerana terbabit dalam kes pembuangan bayi perempuan di Masjid Lama Ara Kuda, Tasek Gelugor, Kepala Batas. Bukan sahaja isu pembuangan bayi malah terdapat isu-isu lain seperti ponteng sekolah, kes bunuh diri, rasuah, pencemaran alam sekitar dan banyak lagi. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan peningkatan masalah sosial ini. Namun, jika direnung dengan mendalam dari aspek moraliti, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kurangnya kesedaran tentang elemen tanggungjawab moral dalam kehidupan boleh menjadi duri dalam daging yang mendorong kepada permasalahan sosial ini.



Tambahan pula, generasi sekarang seolah-olah dikaburi konsep kebebasan (*freedom*) sehingga ada yang tidak berasa mereka perlu bertanggungjawab atas perbuatan mereka. Menurut Noor Mohamad Shakil Hameed (2016), budaya menuding jari iaitu mencari kesalahan atau menyalahkan orang lain dalam pelbagai urusan harian semakin menjadi kebiasaan. Tindakan sebegini seolah-olah menunjukkan bahawa individu-individu melihat maksud tanggungjawab ini secara sempit. Justeru itu, pemahaman konsep atau pengertian yang mendasari konsep tanggungjawab ini perlu dikupas dengan lebih mendalam.

Ekoran itu, konsep tanggungjawab ini dirasai perlu untuk diungkai kepada elemen-elemen yang mendasari konsep tanggungjawab ini agar dapat memberi





pemahaman yang lebih menyeluruh. Untuk memberi pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap elemen tanggungjawab ini, hala tuju kajian adalah berdasarkan kerangka teori kajian Muhammad Atiullah Othman (2015) terhadap tanggungjawab dalam pemikiran Immanuel Kant yang menjurus kepada kebebasan, pengetahuan, kehendak, dan perbuatan. Setiap elemen ini dikupas secara terperinci dalam Bab 4.

### 1.5.2 Unsur perbandingan

Mengikut *Social Research Glossary* (Anon. 2019), kaedah perbandingan adalah proses membuat perbandingan sesuatu situasi, kumpulan, budaya, atau apa sahaja, yang sama tetapi berbeza dalam aspek tertentu. Perbandingan dibuat adalah bertujuan untuk membina, memeriksa, dan merumuskan semula hipotesis dan dengan itu adalah merupakan satu pendekatan yang sistematis.

*“The comparative method is nothing more than the process of making comparisons. The comparative method, so called, is the process of comparing situations, groups, cultures, or whatever, which are similar and yet which differ in known ways...the aim of the comparative method is to develop, examine and reformulate hypotheses and to that extent it is a systematic approach.”* (Anon. 2019)

Dalam kajian ini, kaedah perbandingan menjadi pilihan kerana salah satu objektif kajian adalah bertujuan untuk membuat perbandingan antara elemen tanggungjawab yang ditekankan dalam pandangan Immanuel Kant dengan penekanan dalam ajaran agama Kristian. Justeru itu, skop kajian konsep tanggungjawab ini akan dicapah pula kepada dua cabang iaitu dari sudut pemikiran Immanuel Kant dan dari sudut agama Kristian.



### 1.5.2.1 Pemikiran Immanuel Kant

Pada 22 April 1724, Immanuel Kant dilahirkan dan pada 23 haribulan, beliau dibaptis.

Beliau dilahir di sebuah bandar di Konigsberg, Prussia Timur. Bapanya, seorang pembuat pelana berketurunan Scotland. Ibu Immanuel Kant, Anna Regina Reuterin, seorang yang penyayang dan kuat pegangan agama. Immanuel Kant pernah berkata bahawa ibunya seorang yang berperwatakan lembut, penyayang, alim dan seorang wanita yang jujur dan sering mengajar anak-anaknya agar ‘takut’ akan Tuhan. Ibunya sering membawanya ke luar bandar untuk melihat kebesaran, kebijaksanaan, kebaikan Tuhan dan melahirkan perasan kagum dan hormat yang amat mendalam akan Pencipta segala benda. Walaupun dibesarkan dalam keluarga yang miskin dan sederhana taraf sosial, Immanuel Kant mempunyai perwatakan moral yang baik. Orang yang sangat mempengaruhi zaman remaja beliau ialah Franz Albert Schultz, seorang paderi yang sangat mengambil berat akan keluarga Immanuel Kant. Schultz mendapati Immanuel Kant seorang budak yang sangat berbakat lalu memujuk ibu bapa Immanuel Kant untuk menghantar beliau belajar di Collegium Fridericianum pada usia lapan tahun. Immanuel Kant mendapat didikan Pietisme yang selesa di rumah. Pengaruh ibunya membuat Immanuel Kant lebih suka kepada alam semula jadi yang dicipta Tuhan. Berbeza dengan kehidupannya di Collegium Fridericianum, beliau berasa amat tertekan dengan kehidupan yang dianggap begitu menunjukkan sikap hipokrasi, tertekan dengan rutin amalan keagamaan yang ketat dan hanya kepada menunjukkan (Greene & Hudson, 1960: xxvii-xxix).

Disebabkan latar belakang didikan keluarganya yang berpegang kuat kepada Lutheran Pietists (Protestant), beliau masih mempunyai perasaan hormat yang



mendalam terhadap agama tetapi disebabkan pengalaman pahitnya semasa berada di sekolah Pietist yang terlalu ketat dengan disiplin keagamaan dan sempit amalan keagamaannya, dan ditambah pula dengan minat beliau yang sangat mendalam terhadap sains, ini sedikit sebanyak telah membentuk pemikiran Immanuel Kant tentang sistem moral beliau. Immanuel Kant cinta akan sains dan cinta akan ajaran Kristian. Namun, adalah sangat jelas kepada beliau, kebenaran dalam agama adalah tidak sepasti sepermata ketepatan sains. Ketidaksefahaman antara agama sering berlaku dan tiada bukti-bukti yang sangat jelas untuk menyelesaikan dakwaan-dakwaan teologi yang sering bercanggah. Akhirnya, Immanuel Kant membentuk suatu aliran pemikiran sistem moral yang tersendiri, yang beliau yakin dapat mengisi kekurangan dalam aspek teologi. Adakala Immanuel Kant berada di jalan tengah antara rasionalisme dan empiris dalam memperkatakan moraliti dan agama.



Pergelutan ~~yang~~ dalam menghuraikan antara sains dengan moraliti sepermata yang ~~yang~~ diperkatakan oleh Immanuel Kant dengan gambaran – *two things fill the mind with ever new and increasing admiration and awe...the starry heavens above me and the moral law within me.*” (Zeuschner, 2001: 234-235).

Semasa Immanuel Kant menerbitkan penulisan pertama beliau, *General History of Nature and Theory of the Heavens* (1755), yang memperlihatkan adanya pemisahan sains dengan agama, telah menimbulkan kerisauan terhadap Schultz sehingga Schultz cuba mendapatkan kepastian daripada Immanuel Kant sendiri tentang pendiriannya terhadap agama Kristian. Schultz menanya Immanuel Kant sama ada beliau masih takut akan Tuhan (*Do you still fear God with all your heart?*). Immanuel Kant membala bahawa beliau masih mengekalkan kepercayaan yang utuh





sekurang-kurangnya terhadap doktrin asas agama Kristian (Greene & Hudson, 1960: xxxi).

Karya hebat beliau, *The Critique of Pure Reason* (1781), menjadi buah mulut sebagai satu karya agung, dan *The Fundamental Principle of the Metaphysics of Morals* (1785) dianggap sebagai salah satu dua atau tiga buah buku yang penting dalam sejarah etika (Pojman, 2001: 139). Pengaruh aliran pemikiran Immanuel Kant sangat mempengaruhi ahli falsafah Jerman dan Eropah. Sesungguhnya, falsafah kurun ke-19 adalah terbina daripada falsafah Immanuel Kant (Zeuschner, 2001: 234).

Tiada satu konsep etika yang menerima perhatian yang banyak oleh Immanuel Kant kecuali konsep *duty*. Dalam perbincangan akademik, konsep ini menjadi dasar

asas keseluruhan teori moral yang diistilahkan sebagai *deontological ethics*. Namun, sebenarnya, istilah *duty* ini bukan diperkenalkan oleh Immanuel Kant. Cuma Immanuel Kant yang mengetengahkan istilah ini sebagai asas utama teori etika (Holzhey & Mudroh, 2005: 109) Asger Sørensen (2008) mengatakan bahawa istilah deontologi mula digunakan oleh C. D. Broad dalam karya beliau, *Five Types of Ethical Theory* untuk membezakannya dengan teori teleologikal. Manakala asas pembinaan *neo-logisme deontology* oleh Bentham ialah deontologi boleh dimaksudkan sebagai ‘ilmu dari segi tanggungjawab’ (*science of duty*).

Immanuel Kant dikatakan sebagai penyokong kuat aliran deontologi kerana beliau menentang teori teleologikal yang lebih melihat kepada kesan sesuatu perbuatan dalam melihat moraliti seseorang. Lantaran itu, rasional pemilihan teori Kantianisme untuk kajian ini adalah wajar dalam memperkatakan tentang tanggungjawab adalah





disebabkan Immanuel Kant merupakan ahli falsafah aliran Deontologikal yang tersohor. Etika Deontologikal memberi fokus kepada tugas (*duties*), kewajipan (*obligation*) dan hak (*rights*) (McKinnon, 2015: 255). Oleh demikian, untuk memperkatakan elemen tanggungjawab ini, penumpuan kepada teori Kantianisme adalah paling sesuai.

Kantianisme merujuk kepada sama ada sistem pemikiran yang terkandung dalam penulisan Immanuel Kant, ahli falsafah tersohor Jerman pada kurun ke-18 mahupun ahli-ahli falsafah seterusnya yang membuat kajian terhadap penulisan Immanuel Kant dan seterusnya mendapat inspirasi mendalam dan sealiran dengan prinsip-prinsip penulisan Immanuel Kant (Encyclopedia Britannica, 1768).



Setelah pemergian Immanuel Kant, aliran pemikiran beliau telah dihidupkan semula melalui aliran Neo-Kantianism. Berdasarkan *Stanford Encyclopedia of Philosophy* (Anon, 2018), Neo-Kantianisme ialah pergerakan falsafah yang dominan di Jerman sekitar 1870 hingga Perang Dunia Pertama. Pergerakan ini mendapat inspirasi daripada pelbagai barisan ahli falsafah terutamanya, Kuno Fischer (1860), Hermann von Helmholtz (1867, 1878), Friedrich Lange (1866), Otto Liebmann (1865), dan Eduard Zeller (1862), pada kurun ke-19 yang terpanggil untuk berbalik kepada falsafah Immanuel Kant sebagai satu alternatif dalam menghujahkan metafizik mahupun materialisme. Kumpulan Neo-Kantians ini meletakkan usaha untuk menghidupkan kembali, mempertahankan dan memperlebar fahaman falsafah Immanuel Kant. Tokoh-tokoh falsafah yang sealiran dengan pemikiran Immanuel Kant ini mengguna perbendaharaan kata, idea utama serta perdebatan yang sering diketengahkan oleh Immanuel Kant. Mereka juga menulis komen-komen terhadap





karya agung Immanuel Kant dan memberi pandangan mereka yang bersifat positif dalam memberi komen atau interpretasi terhadap Immanuel Kant.

### 1.5.2.2 Pandangan agama Kristian

Skop sudut pandangan agama pula dibataskan dalam konteks ajaran agama Kristian. Kristian percaya kepada kewujudan satu Tuhan (*monoteisme*) dalam tiga bentuk (*Three Person*) atau Triniti (*Trinity*) iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus. Ketiga-tiga adalah berbeza tetapi sebenarnya satu Tuhan yang sama. Kristian ialah agama wahyu (*revelatory*). Istilah *revelation* merujuk kepada ‘pendedahan’ (*revealing*) Tuhan kepada manusia sesuatu yang di luar cakupan penaakulan dan deria manusia. *Revelation* adalah perkataan yang berkaitan dengan sesuatu yang maha kuasa (*omnipotent*) dan maha mengetahui (*omniscient*) (Zeuschner, 2001: 73).



Sekiranya kita merujuk Kristian dengan komuniti agama yang memuja Tuhan dalam tiga bentuk (*Triune God*) dan mengakui Jesus Christ sebagai Tuhan sepenuhnya (*fully God*) dan manusia sepenuhnya (*fully man*), sejarah Kristian boleh dikatakan bermula sekitar Masihi 4 yang wujudnya kuasa paderi dan pengiktirafan gereja. Jika dirujuk kepada Perjanjian Baru (New Testament), Kristian dikatakan bermula dengan *Jesus of Nazareth* dan diteruskan oleh pengikutnya, Paul (Fredriksen & Reinhartz, 2002: 8) Peter, James, John, Paul dan rakan sedakwahnya, Barnabas ialah orang Yahudi tetapi mereka ini sering dikaitkan dengan asal usul Kristian (*the origin of Christianity*). Hal ini disebabkan mereka yang memimpin kepada pembentukan komuniti yang mempercayai ajaran Kristian (Fredriksen, 2018: 1).





Menurut *Standford Encyclopedia of Philosophy* melalui artikel *Philosophy and Christian Theology* (Anon, 2012), dalam sejarah teologi Kristian, falsafah kadang-kadang dilihat sebagai pelengkap untuk memperjelas teologi tetapi pada sudut lain, falsafah dianggap pemusnah kemurnian teologi. Beberapa pemikir Kristian awal seperti Tertullian berpendapat bahawa sebarang pencerobohan alasan falsafah sekular ke dalam teologi adalah tidak wajar. Namun, pemikir-pemikir Kristian awal yang lain, seperti St. Augustine dari Hippo, berpendapat bahawa refleksi falsafah mampu melengkapkan teologi dengan syarat falsafah keintelektualan itu harus berpaksikan keimanan. Menjelang Abad Pertengahan Tinggi (*High Middle Ages*), pandangan Augustine telah diterima secara meluas. Namun ketika inilah St Thomas Aquinas menawarkan model lain untuk hubungan antara falsafah dan teologi. Menurut model Thomistik, falsafah dan teologi diumpamakan syarikat yang berbeza, berbeza terutamanya pada titik permulaan intelektual mereka. Falsafah mementingkan data yang diperoleh melalui kemampuan mental semula jadi manusia: apa yang dilihat, didengar, dirasai, disentuh, dan dibau. Sebaliknya, teologi, mengambil titik permulaan wahyu Ilahi yang terdapat dalam kitab suci.

Menyentuh tentang agama Kristian, kita juga tidak dapat lari daripada menyentuh tentang latar belakang kitab suci agama Kristian. Jason Soroski (2019) menjelaskan bahawa perkataan *Bible* ialah terjemahan daripada bahasa Greek bíblos ( $\beta\imath\beta\lambda\omega\varsigma$ ) yang bermaksud “buku”. Jadi, secara mudahnya *Bible* bermaksud The Book. Sebenarnya, *Bible* ialah pengumpulan daripada beberapa buku. Pengumpulan penulisan, surat-surat yang merangkumi Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru disusun dan diberi nama sebagai *ta biblia (the books)* oleh John Chrysostom. Semua





pengumpulan ini dijadikan dalam satu buku yang kini menjadi kitab suci yang tidak asing lagi pada zaman kini.

Untuk kajian ini yang menyentuh tentang agama Kristian, rujukan primer sudah pasti ialah buku suci Kitab Injil atau *Bible*. Kutipan ayat-ayat dalam *Bible* akan dibataskan kepada Bible versi NIV (*New International Version*). Rasional pemilihan versi ini adalah kerana NIV adalah salah satu versi terjemah bahasa Inggeris yang paling popular masa kini. Menurut *American Bible Society Resources*, terjemahan NIV diterbitkan pada 1978 dan disemak semula pada 1984 dan 2011. NIV yang banyak dipengaruhi oleh versi *King James Version* (KJIV) merupakan penterjemahan gabungan terjemahan jenis *form-based* dan *meaning-based*.



menekankan pengekalan bentuk bahasa asli/asal dalam teks sumber. Penterjemah mengutamakan pemahaman maksud bahasa asal (*source language*) terlebih dahulu. Daripada pemahaman maksud itu, penterjemah menterjemahkannya kepada bahasa penerima (*receptor language*). Uwe Flick (2014: 371) mengatakan bahawa penggunaan sesuatu bentuk bahasa sesuatu dokumen dapat memberi laporan fakta tentang realiti sosial yang hendak disampaikan dalam sesuatu dokumen. Sejajar dengan kesedaran ini, penterjemahan yang menitikberatkan teks asal sumber akan memberi penekanan kepada ketepatan bentuk bahasa yang dinyatakan dalam teks sumber.

Toverniller (2018) mengatakan bahawa bahasa terdiri daripada dua elemen penting, yang boleh disebut sebagai bentuk (*form*) dan makna (*meaning*). Bentuk





merujuk kepada huruf, suku kata, kata, frasa, dan struktur ayat bahasa tertentu. Makna merujuk kepada maklumat dan idea yang ingin didengar dan difahami oleh orang lain. Apabila seseorang cuba menyampaikan makna yang sama ke dalam bahasa yang berbeza, dia mesti melakukan kerja terjemahan. Mereka menggunakan bentuk untuk menyatakan makna. Untuk mencapai ini, penterjemah mesti mengubah bentuk mesej, menggunakan huruf, perkataan, frasa, dan struktur ayat yang berbeza dari bentuk bahasa asalnya. Ini memerlukan usaha mencari bentuk dalam bahasa Sasaran untuk menyampaikan makna yang sama dengan bahasa sumber. Versi terjemahan ini berguna untuk kerja penyelidikan yang memerlukan sokongan ayat-ayat dalam *Bible*.

### 1.6 Kerangka konseptual

Kajian penyelidikan adalah bersandarkan Teori Deontologikal yang menilai unsur moraliti dari aspek kewajipan. Teori etika Kant yang lebih dikenali sebagai teori Deontologikal menekankan aspek kewajipan (MacKinnon, 2015: 111). Mengikut Teori Deontologikal, seseorang itu dikatakan bermoral jika dia melaksanakan kewajipannya. Dalam membicarakan kewajipan, kita tidak dapat lari daripada membicarakan elemen tanggungjawab. Dalam kajian ini, elemen tanggungjawab dalam pemikiran Immanuel Kant yang telah dirumuskan oleh Muhammad Atiullah Othman (2015) akan dijadikan garis panduan penyelidikan untuk dibandingkan dengan unsur pengajaran nilai tanggungjawab dalam agama Kristian. Berikut ialah kerangka konseptual yang dijadikan asas hala tuju kajian penyelidikan ini:





*Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian (Muhammad Atiullah Othman, 2015:16)*

Dalam tesis PHD Muhammad Atiullah (2015), analisis kupasan elemen tanggungjawab dan pemikiran Ibnu Taymiyyah dan Immanuel Kant dilakukan dengan teliti dan menyeluruh. Secara umumnya, “kudrat” membawa maksud kuasa, tenaga, kekuatan, sifat atau tabiat semula jadi (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010:840).

Perbincangan tentang kudrat dari sudut makna dan ruang lingkup adalah sama dengan perbincangan tentang “kebebasan” yang dibincangkan oleh pemikir-pemikir Barat (Ghunaym, 1992: 29-31). Berdasarkan rujukan Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), pengetahuan adalah perihal mengetahui, apa yang diketahui, perihal tahu, kepandaian, kebijakan dan ilmu iaitu segala yang diketahui atau dipelajari berkenaan sesuatu. Perkataan “kehendak” membawa maksud hajat, keinginan dan kemauan yang keras manakala perbuatan adalah segala yang diperbuat, kerja atau tindakan.

Penekanan kepada keempat-empat elemen ini adalah penting kerana jika salah satu elemen itu digugurkan atau ditiadakan, maka pentafsiran konsep tanggungjawab yang tepat, menyeluruh dan terperinci adalah tidak lengkap.



## 1.7 Kesimpulan

Secara umumnya, kajian ilmiah ini menggunakan pendekatan kualitatif yang terarah untuk menginterpretasikan elemen tanggungjawab dari sudut teori Sekular dan agama secara terperinci. Secara spesifiknya, objektif kajian adalah mengupas aliran pemikiran teori Deontologi yang dipelopori oleh Immanuel Kant berhubung tanggungjawab dan juga ajaran agama Kristian dalam memperkatakan tentang tanggungjawab.

Seterusnya, kaedah perbandingan akan dijadikan asas untuk menginterpretasikan persamaan mahupun perbezaan penekanan elemen tanggungjawab dalam pemikiran Immanuel Kant dengan Kristian. Hal ini dirasakan perlu kerana terdapatnya kelompongan kajian yang melihat titik pertembungan antara apa yang dikatakan Sekular dan agama yang selama ini dikatakan bertentangan arah. Daripada hasil dapatan kajian ini, akan dilihat sejauh mana Immanuel Kant yang dikatakan seorang ahli falsafah Sekular menolak pandangan agama dalam pemikirannya.

Melalui keseluruhan hasil dapatan kajian ini, diharapkan akan dapat dibuat suatu rumusan sama ada sesuatu pandangan Sekular adalah seratus-peratus tulen daripada unsur agama. Berdasarkan kajian ini, diharapkan satu sintesis dapat dicapai sama ada elemen tanggungjawab yang dijulang oleh ahli falsafah agung Sekular langsung tidak didukung oleh ajaran agama Kristian. Dari sini, persoalan sama ada dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa pemikiran Sekular Immanuel Kant membuktikan beliau menafikan terus peranan agama dan seterusnya tentang





kewujudan Tuhan akan dikupas. Walaupun sudah terdapat kajian yang mempunyai hujahan tersendiri untuk membuktikan Immanuel Kant menolak atau tidak menolak kepentingan agama, kajian ini cuba menghujah dari sudut lain iaitu dengan menjurus kepada elemen tanggungjawab Immanuel Kant dengan asas ajaran tanggungjawab dalam ajaran agama Kristian itu sendiri.

